



ABSTRAK KAJIAN BPPDP

MEI 2009

KAJIAN ANALISIS KOS PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA BPPDP, 2000.

Pada tahun 2000 terdapat 55 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang beroperasi di seluruh Malaysia. Kajian ini bertujuan membuat anggaran kos persekolahan pelajar SMKA secara terperinci mengikut lokasi sekolah, enrolmen, komponen perbelanjaan dan sumber kewangan kepada kerajaan dan ibu bapa/penjaga. Sampel kajian ini melibatkan 49 SMKA dan data diperolehi melalui soal selidik, temu bual serta penganalisan dokumen yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan kos purata seorang pelajar SMKA yang ditanggung oleh kerajaan adalah RM3,482.26 setahun manakala kos yang ditanggung oleh ibu bapa/penjaga adalah RM1,860.70. Tidak terdapat perbezaan ketara antara kos purata seorang pelajar SMKA di bandar dan di luar bandar, tetapi kos purata seorang pelajar SMKA meningkat dengan penurunan enrolmen. Kos pengajaran dan pembelajaran mengambil peratus yang tertinggi daripada keseluruhan kos persekolahan seorang pelajar SMKA. 50 peratus daripada ibu bapa beranggapan kos persekolahan anak di SMKA adalah mahal dan membebankan. Masalah yang dihadapi oleh SMKA adalah peruntukan kewangan yang tidak dapat menanggung kos operasi yang tinggi. Antara cadangan mengatasi masalah ini adalah dengan penstrukturan semula SMKA, pemberian peruntukan wang yang sama antara SMKA dan sekolah berasrama penuh serta pendedahan kepada pengurusan kewangan berkesan kepada guru SMKA.

Tajuk perkara: Education-Costs-Malaysia-Educational-Cost-Plan, Religious Education-Malaysia.

KP.BPPDP 297.07 KEM

KAJIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MUZIK SEKOLAH RENDAH BPPDP, 2000.

Mata Pelajaran Pendidikan Muzik KBSR telah dilaksanakan bagi memperkembangkan potensi dan kualiti diri murid melalui pendidikan muzik. Namun wujud masalah dari segi tenaga pengajar dan peralatan muzik. Maka kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Pendidikan Muzik di sekolah rendah. Sampel kajian terdiri daripada 1,101 pengurus kurikulum, 625 guru muzik, 2824 murid dan 2731 ibubapa. Data diperolehi melalui soal selidik, temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran. Data dianalisis secara deskriptif (min dan sisihan piawai) dan secara inferensi (ANOVA sehala dan Ujian-t). Dapatan menunjukkan hanya 45.5 peratus guru mempunyai opsyen muzik dengan sebahagian kecil sahaja boleh bermain alat muzik. Namun begitu, 50 hingga 55 peratus guru berjaya melaksanakan pengajaran muzik secara efektif manakala 40 hingga 60 peratus berjaya mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran walaupun peralatan serta kemudahan tidak mencukupi. Bagaimanapun untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran muzik, guru perlu diberi latihan, peralatan dan kemudahan perlu mencukupi manakala pemantauan pengajaran dan pembelajaran perlu dipertingkatkan.

Tajuk perkara:
Music- Study and Teaching (Primary) - Malaysia

KP BPPDP 780.7 KEM

KAJIAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN SENI DI SEKOLAH MENENGAH BPPDP, 2000.

Pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Seni bertujuan melahirkan pelajar yang dapat menghayati serta menghasilkan karya seni yang boleh dinikmati bersama. Namun maklumat awal menunjukkan populariti mata pelajaran ini dalam kalangan pelajar sekolah menengah semakin merosot. Justeru, kajian ini bertujuan menilai pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni di sekolah menengah dengan memberi tumpuan terhadap pencapaian objektif kurikulum, kemudahan yang disediakan untuk pengajaran dan pembelajaran, galakan kepada pelajar serta minat pelajar terhadap mata pelajaran seni. Sampel terdiri daripada 479 pentadbir, 427 guru, dan 909 pelajar. Data soal selidik dianalisis secara deskriptif (min dan sisihan piawai) dan inferensi (varians sehala dan Ujian-t) manakala data temu bual dianalisis secara manual. Dapatan menunjukkan lebih daripada 70.0 peratus guru bersetuju 9 daripada 13 objektif pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni berjaya dicapai. Bagaimanapun, lebih daripada 80.0 peratus guru tidak melaksanakan aktiviti yang ditetapkan dalam kurikulum Pendidikan Seni. Dapatan juga menunjukkan lebih daripada 20.0 peratus sekolah tidak mempunyai bilik seni lukis manakala 20.0 peratus tiada Persatuan Seni Lukis. Di samping itu, didapati kurang daripada 15.0 peratus pelajar mempunyai minat lebih tinggi terhadap Pendidikan Seni berbanding mata pelajaran lain. Bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni, dicadangkan pemantauan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran seni dipertingkatkan. Kemudahan untuk pengajaran dan pembelajaran juga perlu disediakan bagi meningkatkan minat pelajar terhadap Pendidikan Seni.

Tajuk perkara:
Arts Education, Teaching and Learning;

KP BPPDP 709.41 KEM

KAJIAN PELAKSANAAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC) DAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL(SJKT)BPPDP, 2000.

Kelemahan penguasaan Bahasa Melayu di kalangan murid SJKC dan SJKT menimbulkan masalah pembelajaran dalam mata pelajaran lain serta menjejaskan matlamat kerajaan untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelaksanaan Bahasa Melayu di SJKC dan SJKT. Pungutan data dilakukan dengan menggunakan soal selidik dan temubual separa berstruktur. Sampel kajian melibatkan 687 Guru Besar, 1309 guru Bahasa Melayu, 2384 murid dan 436 guru Bahasa Melayu di kelas Peralihan. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS dengan kaedah analisis diskriptif manakala data kualitatif yang melibatkan 288 responden diproses secara manual. Antara faktor yang telah dikenalpasti adalah guru, sikap murid, sekolah dan persekitaran serta sokongan masyarakat setempat. Kajian mendapati lebih daripada 90 peratus guru SJKC dan SJKT selalu menggunakan buku lembaran kerja, huraian Sukatan Pelajaran, Sukatan Pelajaran dan buku teks Bahasa Melayu. Lebih daripada 60 peratus bersetuju teknik yang berkesan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah latih tubi, bercerita, menghafaz dan berbincang, manakala teknik yang kurang berkesan ialah syarahan dan pembelajaran sendiri.

Tajuk Perkara:

Malay Language-Study and Teaching (Primary)-Evaluation-Malaysia;chinese - education Malaysia; Tamil-Education-Malaysia

KP.BPPDP 499.2307 KEM

KAJIAN PENILAIAN PELAKSANAAN MATA PELAJARAN SAINS DI SEKOLAH RENDAH BPPDP, 2000.

Pendidikan sains di sekolah rendah bertujuan melahirkan masyarakat yang berbudaya sains dan teknologi. Kajian yang menilai keberkesanan pendidikan sains di sekolah rendah masih kurang. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti kefahaman, persediaan dan masalah guru serta sokongan pihak pentadbir dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (p&p) sains di sekolah rendah. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada 700 guru, temu bual 24 guru serta pemerhatian. Dapatan menunjukkan guru memahami kurikulum dan matlamat sains dengan jelas serta membuat persediaan sebelum melaksanakan proses p&p. Masalah yang dihadapi ialah guru kurang mahir dalam pedagogi, beban tugas yang banyak dan peralatan yang tidak mencukupi. Bagaimanapun, pihak sekolah memberi sokongan sepenuhnya dengan menyediakan bahan bercetak, kewangan dan alat pandang dengar yang mencukupi. Bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Mata Pelajaran Sains, bakal guru mesti mempunyai kelulusan dalam bidang sains di peringkat Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia manakala guru diberi peluang berkursus secara berterusan. Pemantauan oleh pihak pentadbir perlu ditingkatkan. Selain itu, bilik sains perlu diadakan di setiap sekolah, mata pelajaran sains diperkenalkan di tahun satu dan pengambilan guru pelatih di maktab diperbanyakkan.

Tajuk Perkara:

Science-Study and Teaching(Primary)-Evaluation Research

KP.BPPDP 377.6 KEM

KAJIAN PERUNTUKAN BANTUAN MODAL KEPADA SEKOLAH MUBALIGH BPPDP, 2000.

Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 39/1998 yang diadakan pada 9 Disember 1998, telah mengambil maklum bahawa peruntukan untuk Sekolah Mubaligh yang berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan adalah tidak mencukupi. Kementerian Pelajaran Malaysia disaran memohon tambahan peruntukan bagi menangani kekurangan peruntukan sedia ada. Kajian dijalankan untuk mengetahui anggaran pemberian bantuan modal dan peruntukan khas kepada Sekolah Mubaligh serta untuk mengetahui status terkini sekolah dan keperluan pembangunan masa depan sekolah setelah tamat tempoh pajakan. Soal selidik diedarkan kepada 328 sekolah rendah dan 123 sekolah menengah. Selain itu, 21 guru besar dan 9 pegawai pembangunan di Jabatan Pelajaran Negeri telah ditemu bual. Penyemakan dokumen juga telah dijalankan. Dari tahun 1999 hingga 2000 sebanyak 191 daripada 221 telah menerima peruntukan modal. Namun, kadar peruntukan bantuan modal tidak mencukupi dan menyebabkan pihak sekolah terpaksa memohon sumbangan kewangan daripada pihak luar terutama untuk menampung projek membaikpulih dan membina bangunan sekolah. Peruntukan yang diterima pula tidak seragam. Dapatan menunjukkan jumlah terkecil peruntukan kurang daripada RM4,000. Jumlah terbesar lebih daripada RM10,000. Didapati juga antara 1996 hingga 1999, 222 buah sekolah memperoleh peruntukan kurang daripada RM100,000. Dirumuskan jumlah peruntukan sebelum ini tidak mencukupi dan tidak seragam. Maka, dicadangkan KPM memperuntukkan sumbangan yang mencukupi, seimbang dan adil. Pihak mubaligh dinasihatkan supaya menyerahkan sepenuhnya sekolah Mubaligh kepada kerajaan setelah tamat tempoh pajakan.

Tajuk perkara:

Education-Finance-Malaysia; Mission School-Educational work; Federal Aids to Education-Malaysia

KP BPPDP 377.6 KEM

KAJIAN PENILAIAN PROGRAM INTERVENSI OLEH JABATAN PELAJARAN NEGERI BAGI MENANGANI KECICIRAN DI SEKOLAH MENENGAH. BPPDP, 2003.

Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) telah berusaha melaksanakan pelbagai program intervensi untuk menangani masalah keciciran di sekolah menengah. Bagaimanapun, sejauh mana program tersebut telah dapat mengatasi masalah keciciran belum dapat dipastikan. Justeru kajian penilaian ini dijalankan dengan tujuan menilai keberkesanan program termasuk mengenal pasti sebab keciciran serta mendapatkan pandangan dan cadangan untuk meningkatkan usaha menangani masalah keciciran. Sampel kajian yang berjumlah 68 orang dipilih menggunakan kaedah *purposive sampling* dan terdiri daripada Pegawai JPN, Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Guru Kaunseling dan Guru Tingkatan 3. Selain penyemakan dokumen, responden ditemubual bagi mengutip data kualitatif. Kajian mendapati secara keseluruhannya, sebab utama keciciran ialah sikap pelajar, masalah disiplin dan kemiskinan. Walaupun program intervensi yang dijalankan telah cuba mengatasi masalah disiplin dan motivasi pelajar, namun kurangnya pemantauan dan penyelarasan antara JPN, PPD dan pihak sekolah telah menyebabkan program tersebut kurang berkesan. Kajian merumuskan, semua pihak termasuk ibu bapa, pihak sekolah, PPD dan JPN perlu lebih komited dan berkerjasama dengan lebih erat bagi memastikan keberkesanan program intervensi dalam mengatasi masalah keciciran di sekolah menengah.

Tajuk perkara:

Study and Teaching(Secondary)-Evaluation Research

KP BPPDP 371.2913 KEM

KAJIAN SUSULAN PELAJAR LEPASAN UPSR1999 DAN UPSR 2000.BPPDP, 2003.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan kemudahan pendidikan yang sama rata, berkualiti dan percuma kepada semua pelajar sekolah menengah. Namun begitu didapati aliran pelajar keluar daripada sistem persekolahan KPM masih berlaku. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bilangan pengaliran pelajar keluar dari sistem pendidikan kebangsaan, jenis sekolah di luar sistem persekolahan KPM yang menjadi pilihan ibu bapa serta sebab institusi tersebut menjadi pilihan. Kajian tinjauan dijalankan dengan soal selidik diedarkan kepada pelajar dan ibu bapa bagi mengumpul data yang diperlukan. Kajian mendapati bagi kohort 1999, 42,522 pelajar meneruskan persekolahan di luar sistem KPM dengan pecahan 74.65% Melayu, 23.56% Cina, 0.41% India, 0.11% Bumiputera Sarawak, 0.04% Bumiputera Sabah dan 0.05% kaum lain. Bagi kohort 2000, 33,149 pelajar meneruskan persekolahan di luar sistem KPM dengan pecahan 65.66% Melayu, 33.61% Cina, 0.19% India, 0.12% Bumiputera Sarawak, 0.23% Bumiputera Sabah dan 0.17% kaum lain. Jenis sekolah yang sering menjadi pilihan adalah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Menengah Agama Swasta (SMAS), Sekolah Menengah Swasta, Sekolah Menengah Persendirian Cina, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Tunas Bakti. Antara faktor yang mempengaruhi pilihan ialah keinginan ibu bapa untuk anak mempelajari Agama Islam dengan lebih mendalam, sukatan sekolah yang mengintegrasikan akademik dan agama, peluang lebih besar untuk melanjutkan pelajaran dan tumpuan sekolah terhadap peluang kerjaya pelajar. Dirumuskan, sekiranya KPM dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan prasarana dan kemudahan serta menyusun semula kurikulum dan kokurikulum, kemungkinan lebih ramai pelajar dapat ditarik ke aliran kebangsaan KPM adalah tinggi.

Tajuk perkara:

Educational Evaluations-Malaysia; Academic Achievement Schools-Malaysia.

KP BPPDP 370.7122 KEM

PROSES PENGAJARAN GURU SAINS KEPADA PELAJAR BERPENCAPAIAN RENDAH DALAM MATA PELAJARAN SAINS. BPPDP, 2000.

Analisis terhadap prestasi pencapaian dalam mata pelajaran Sains PMR tahun 1993 hingga 1999 menunjukkan 63.3 peratus daripada pelajar berpencapaian rendah. Manakala mata pelajaran Sains Tulen SPM tahun 1993 hingga 1999 menunjukkan 40 hingga 50 peratus daripada pelajar tersebut berpencapaian rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor guru yang mengajar Sains kepada pelajar berpencapaian rendah. Kaedah tinjauan melalui soal selidik terhadap guru Sains yang mengajar pelajar berpencapaian rendah di 30 peratus daripada jumlah sekolah menengah harian dipilih secara rawak. Dapatan menunjukkan 92.2 peratus guru Sains Tingkatan 4 berpencapaian rendah terdiri daripada guru siswazah; 38.3 peratus daripada guru ini tidak pernah menerima sebarang kursus orientasi Sains Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah; guru Sains belum menguasai sepenuhnya aspek pedagogi dan kurang mengamalkan aktiviti yang memberi penekanan kepada perkembangan kemahiran saintifik dan kemahiran berfikir. Tahap kefahaman guru adalah faktor utama kepada amalan guru, diikuti oleh sikap dan masalah dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Antara cadangan penambahbaikan ialah perlunya penyegaran semula terhadap kefahaman guru dalam aspek kemahiran saintifik. Ini boleh dilakukan melalui kursus dalam perkhidmatan dan program latihan perkembangan staf yang melibatkan aspek pedagogi sains dan unsur-unsur motivasi ke arah pembinaan sikap positif dalam proses pengajaran Sains.

Tajuk perkara:

Science-Study and Teaching (Secondary) - Methodology-Research

KP BPPDP 507.8 KEM

KAJIAN PENILAIAN PERANAN PUSAT KEGIATAN GURU. BPPDP, 2000.

Pusat Kegiatan Guru (PKG) berfungsi untuk meningkatkan kualiti pendidikan melalui peningkatan taraf profesionalisme guru. Setakat ini, kajian untuk menilai keberkesanan peranan PKG masih kurang. Justeru, kajian ini cuba mengkaji peranan PKG dalam aspek jalinan struktur antara organisasi, khidmat sokongan kepada guru, keberkesanan pengurusan dan masalah yang dihadapi. Data diperoleh daripada tinjauan dan kajian kes yang melibatkan semua PKG dan 400 buah sekolah. Soal selidik diedarkan kepada 352 penyelaras PKG dan 1,600 guru daripada 224 sekolah rendah dan 176 sekolah menengah. Dapatan menunjukkan hubungan dua hala antara Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN), PKG dan Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah efektif. Manakala guru-guru Pusat Sumber sering mendapat tunjuk ajar pengurusan PSS daripada PKG. Program dan aktiviti yang dijalankan juga menepati fungsi PKG. Namun begitu, masalah tempat yang terhad, kemudahan yang tidak mencukupi dan pengurusan kewangan oleh PSPN menghadkan bilangan guru yang boleh menghadiri program dan aktiviti yang dilaksanakan. Untuk meningkatkan keberkesanan peranan PKG, peruntukan kewangan untuk prasarana, kemudahan, perkakasan teknologi dan penyelenggaraan perlu ditambah. Komunikasi berkesan antara PKG dengan pelbagai pihak yang lain juga perlu ditingkatkan.

Tajuk perkara:

Education and State-Evaluation Research-Malaysia; Instructional Materials Centres-Research; Resources Programmes (Education)

KP BPPDP 371. 3078 KEM

KAJIAN KETAHANAN KERUSI MEJA PLASTIK DI SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH. BPPDP, 2000.

Kerusi meja plastik telah digunapakai di sekolah rendah dan sekolah menengah selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bil 1/98 meluluskan penggunaannya pada 2 Julai 2000. Susulan dari itu, kajian dijalankan bagi mengenalpasti kesesuaian dari segi reka bentuk, saiz dan warna serta ketahanan kerusi meja plastik tersebut. Untuk mengutip data, 6 buah sekolah rendah dan 6 buah sekolah menengah dilawati dan pada masa yang sama soal selidik ditadbirkan. Kajian ini melibatkan 3 pusingan dengan jumlah keseluruhan sampel seramai 2,898 murid. Dapatan menunjukkan reka bentuk kerusi meja plastik diterima oleh murid tetapi saiz kurang sesuai untuk murid sekolah rendah. Murid juga bersetuju warna kerusi meja yang dibekalkan sesuai. Dari segi ketahanan, wujud masalah berkaitan skru meja yang mudah tercabut dan terdapat kerusi yang tiada skru. Untuk penambahbaikan, saiz kerusi meja plastik perlu disesuaikan dengan saiz murid di sekolah rendah, ruangan untuk menyimpan buku/ alat tulis ditambah manakala struktur kerusi meja pula lebih kukuh.

Tajuk perkara:

School Facilities-Malaysia; School-Furniture, Equipment, etc.

KP BPPDP 371.629 KEM

KAJIAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN KHAS DI SEKOLAH RENDAH BPPDP, 2001.

Program Pemulihan Khas diwujudkan ekoran data tahun 1993 menunjukkan lebih daripada 80,000 orang murid sekolah rendah di Malaysia mengalami masalah kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan program tersebut di sekolah rendah. Data soal selidik yang diedarkan kepada 3,070 guru besar dan 2,937 guru pemulihan khas (GPK) dianalisis secara deskriptif. Manakala data hasil temu bual 70 guru besar, 70 GPK, 340 guru biasa dan 220 ibu bapa murid-murid pemulihan khas serta seorang pegawai pemulihan khas di Jabatan Pendidikan Negeri dianalisis secara manual. Dapatan kajian menunjukkan 50 peratus daripada murid-murid yang mengikuti program telah dapat menguasai kemahiran asas 3M. Bagaimanapun, masih wujud masalah penguasaan 3M ekoran kurang kesediaan pembelajaran murid, kurang sokongan ibu bapa, bilangan murid yang terlalu ramai di dalam kelas, kurang sokongan pentadbir serta kekurangan sumber kewangan dan kemudahan fizikal. Untuk mengatasi masalah tersebut, dicadangkan peluang pendidikan prasekolah diperluaskan, intervensi awal dilaksanakan manakala GPK perlu lebih komited dan terlatih. Pelan pelaksanaan Program Pemulihan Khas juga perlu lebih sistematik.

Tajuk perkara:

Remedial Education-Research; Special Education-Malaysia

KP BPPDP 371.9 KEM

KAJIAN PENILAIAN DASAR TENTANG PENCERAPAN PENGAJARAN OLEH PENGETUA, PENOLONG KANAN DAN KETUA BIDANG DI SEKOLAH MENENGAH BPPDP, 2001.

Dasar pencerapan pengajaran guru di bilik darjah telah menyatakan dengan jelas peranan dan tanggungjawab pengetua/guru besar dalam melaksanakan proses pencerapan. Namun, masih terdapat kelemahan dalam proses pencerapan sehingga menimbulkan tanda tanya tentang keberkesanannya. Maka kajian ini dijalankan untuk menilai proses dan aktiviti pencerapan oleh pentadbir sekolah serta mengenalpasti sama ada telah menepati dasar yang telah ditetapkan atau sebaliknya. Sampel terdiri daripada 171 pengetua, 177 penolong kanan, 1,133 penolong kanan hal ehwal murid, 64 penyelia petang, 679 ketua bidang dan 1,622 guru di 265 sekolah seluruh negara. Data daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai manakala data temu bual dianalisis secara manual. Dapatan menunjukkan pencerapan secara formal dilakukan 1 hingga 2 kali setahun manakala pencerapan tidak formal kerap dilakukan. Namun begitu, hanya sedikit perbincangan yang berlaku antara pencerap dan guru sebelum dan selepas pencerapan. Walaupun pengetua dan guru secara keseluruhannya memahami kepentingan pencerapan tetapi terdapat aspek-aspek yang disenaraikan dalam dasar, diabaikan. Untuk meningkatkan keberkesanan, pencerapan harus disertakan dengan demonstrasi pengajaran. Selain itu, jadual pencerapan formal perlu disediakan. Perbincangan antara pencerap dan guru sebelum dan selepas pencerapan perlu diadakan manakala pencerapan harus tidak mengabaikan aspek yang disenaraikan dalam dasar. Pentadbir sekolah pula mencadangkan kajian semula dibuat terhadap pekeliling berkenaan dasar pencerapan.

Tajuk perkara:

Instructions Supervision: Evaluation Research-Headteachers Malaysia

KP BPPDP 371.9 KEM

KAJIAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN SEMPOA DI SEKOLAH RENDAH BPPDP, 2001.

Semppoa merupakan alat bantu pengiraan melibatkan Aritmetik sebagai bahan tambahan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Matematik. Tinjauan awal di sekolah sekitar Kuala Lumpur pada tahun 2000 mendapati Program Pendidikan Sempoa tidak lagi dilaksanakan sedangkan kos pembekalannya berjumlah RM1.5 juta. Justeru, kajian ini bertujuan mengetahui status pelaksanaan berdasarkan respon dan tindakan pihak sekolah serta kesediaan guru dalam melaksanakan program ini. 495 responden yang dipilih secara rawak terdiri daripada guru yang mengajar Matematik Tahap II, guru besar dan peserta kursus semppoa anjuran BPG. Data kuantitatif dikutip melalui soal selidik manakala data kualitatif dipungut melalui senarai semak dan temu bual. Kajian mendapati hanya 13 peratus sekolah sahaja yang masih melaksanakan program semppoa manakala 20.89 peratus daripada sekolah rendah tidak pernah menjalankan program ini. Dapatan kajian menunjukkan guru bersikap positif terhadap penggunaan semppoa tetapi mereka jarang menggunakannya dalam P&P. Pelaksanaan program terjejas kerana guru kurang kemahiran dan keyakinan untuk mengajar semppoa, peruntukan masa mengajar yang tidak mencukupi dan tiada bahan rujukan serta sistem pemantauan berkesan. Dirumuskan, pelaksanaan program boleh diteruskan dengan melibatkan murid Tahun 1, guru diberi latihan kemahiran menggunakan semppoa untuk jangka masa yang lebih panjang, sistem pemantauan dimantapkan dan kewangan mencukupi diperuntukkan. Namun sekiranya guru memilih cara lain yang lebih sesuai seperti kaedah Kumon dan kira cepat, maka program ini mungkin boleh dihentikan.

Tajuk perkara:

Mathematics-Teaching and Learning Evaluation Reseach (Primary)-Malaysia; Abacus

KP BPPDP 510.712 KEM

KAJIAN BUDAYA SEKOLAH CEMERLANG: KAJIAN KES KE ATAS 24 BUAH SEKOLAH CEMERLANG UPSR 2001. BPPDP, 2001.

Pengurusan sekolah perlu mempunyai matlamat dan strategi yang jelas untuk mencapai kecemerlangan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti budaya yang menjadi amalan di sekolah cemerlang dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di 24 buah sekolah rendah cemerlang 2001. Aspek yang dikaji adalah pengurusan dan kepimpinan pentadbir, pengajaran dan pembelajaran (P&P), pengurusan kurikulum, prasarana, sokongan untuk murid dan iklim sekolah. Pungutan data melalui soalselidik melibatkan 2255 orang murid dan 227 orang guru di sekolah yang mencatat keputusan melebihi 30%, 5A dalam UPSR bagi tahun 2001 dan temu bual dijalankan ke atas 72 orang Guru Besar. Dapatan menunjukkan kecemerlangan sekolah dapat dikekalkan dengan kepimpinan yang dinamik dan peka melalui perancangan strategik. Selain itu, sokongan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru, prasarana dan iklim sekolah turut menjana budaya cemerlang. Kesimpulannya, pihak pengurusan dan guru-guru perlu berjiwa waja, mempunyai strategi yang berkesan serta mempunyai komitmen tinggi dalam melaksanakan setiap program yang dirancang.

Tajuk perkara:

Excellent School— School Culture-Examination—UPSR

KP BPPDP 371.2 KEM

KAJIAN PENILAIAN KEPERLUAN PENGGUNAAN BUKU KERJA DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID TAHAP II DI SEKOLAH RENDAH BPPDP, 2002.

Kajian ini melihat sejauh mana tahap keperluan penggunaan buku kerja dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi murid Tahap II di sekolah rendah. Soal selidik telah dihantar kepada 504 buah sekolah yang dipilih secara rawak berstrata berdasarkan jenis dan lokasi sekolah dan telah ditadbir ke atas 374 orang pentadbir sekolah, 116 guru, 1107 murid Tahap II dan 1113 ibu bapa/penjaga. Kaedah kualitatif juga dilakukan melalui temu bual dan semakan dokumen. Sebanyak 24 buah sekolah dengan responden seramai 240 orang iaitu 24 orang pentadbir, 72 orang guru mata pelajaran UPSR dan 144 orang murid Tahap II telah diadakan. Dapatan menunjukkan tahap kepentingan yang tinggi dalam penggunaan buku kerja bagi meningkatkan prestasi murid dalam peperiksaan UPSR manakala tahap kekerapan tertinggi ditunjukkan dalam penggunaan buku kerja bagi meningkatkan prestasi murid dalam peperiksaan UPSR. Selain itu, penggunaan buku kerja banyak memberi faedah kepada murid dan guru bagi meningkatkan prestasi pencapaian akademik. Kajian mencadangkan supaya Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2000 dikemaskini sesuai dengan tuntutan semasa bagi menggalakkan penggunaan buku kerja. Pemantauan oleh pihak pentadbir juga perlu ditingkatkan supaya murid dan guru dapat memanfaatkannya dalam proses P&P sekolah rendah Tahap II.

Tajuk perkara :

Textbooks-Evaluation Research-Malaysia;-Primary Schools.

KP BPPDP 371.19 KEM

LAPORAN KAJIAN PENCAPAIAN PELAJAR CEMERLANG UPSR DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN HARIAN DAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH: SATU PENILAIAN BPPDP, 2002.

Kajian pada tahun 1995 hingga 1998 mendapati tidak sampai 60% daripada pelajar Sekolah Berasrama Penuh (SBP) mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji sama ada pelajar SMH dan SBP yang cemerlang UPSR dapat mengekalkan kecemerlangan mereka dalam peperiksaan PMR atau sebaliknya. Kaedah tinjauan digunakan bagi mengumpulkan data di mana sampel yang terlibat adalah para pelajar cemerlang UPSR di SMH dan SBP, guru-guru dan responden daripada Jabatan Pendidikan Negeri. Dapatan kajian menunjukkan pelajar cemerlang UPSR di SMH dan SBP yang mengambil PMR pada tahun 1999 mencapai keputusan baik dalam lapan mata pelajaran teras yang diambil, namun terdapat pelajar yang mendapat gred C dan D. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa kecemerlangan semasa UPSR tidak berjaya dikekalkan sepenuhnya sehingga ke peringkat sekolah menengah sekali pun mereka pelajar SBP.

Tajuk perkara:

Educational Evaluation-Boarding Schools-Malaysia; Academic Achievement-Boarding Schools-Malaysia.

KP BPPDP 373.595 KEM

KAJIAN PENILAIAN PELAKSANAAN MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR: ASPEK GURU. BPPDP, 2002.

Tahap pencapaian dan penguasaan Bahasa Inggeris didapati masih rendah terutamanya bagi murid sekolah rendah di luar bandar. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi menilai pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik bagi mengumpul data kuantitatif dan temu bual untuk mengutip data kualitatif. Pemilihan sampel dibuat secara rawak berstrata melibatkan 780 guru Bahasa Inggeris sekolah rendah di luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman guru tentang matlamat pengajaran Bahasa Inggeris adalah pada min 3.18. Tahap kefahaman guru terhadap kaedah pengajaran Bahasa Inggeris pula adalah pada min 3.35. Bagi tahap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris, guru mencapai min 2.90. Masalah utama yang dihadapi adalah bilangan pelajar yang ramai dalam kelas, kerjasama murid, beban tugas untuk mengajar Bahasa Inggeris serta kekurangan buku bacaan tambahan. Kajian juga mendapati kelayakan guru Bahasa Inggeris mempengaruhi tahap pencapaian dan penguasaan Bahasa Inggeris murid. Tindakan yang dikenal pasti bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris adalah menambahkan bahan bacaan sampingan, memastikan guru Bahasa Inggeris mencukupi serta menambahkan masa belajar Bahasa Inggeris terutama di SJKT dan SJKC.

Tajuk perkara:

English Language: Primary School-Evaluation Research Malaysia

KP BPPDP 372.6521 KEM

KAJIAN PENGLIBATAN PIBG DI SEKOLAH RENDAH BPPDP, 2003

Penubuhan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bertujuan membantu sekolah dalam aspek kebajikan dan kemajuan pendidikan murid. Apabila wujud keperluan terhadap penglibatan aktif PIBG di sekolah, maka timbul isu sama ada penglibatan PIBG di sekolah patut diperluaskan atau sebaliknya. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti sejauh mana penglibatan PIBG di sekolah rendah, persepsi terhadap peranan PIBG dan sejauh mana PIBG mematuhi peraturan penubuhannya. Sampel kajian terdiri daripada guru besar, guru dan ibu bapa yang dipilih secara rawak berstrata. Data yang dikutip melalui soal selidik dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan penglibatan PIBG adalah dalam aspek kebajikan, kokurikulum dan program peningkatan prestasi murid, dan tidak melibatkan urusan pentadbiran sekolah. Guru besar dan guru bersetuju peranan PIBG penting untuk membantu meningkatkan kejayaan sekolah dan penglibatan mereka adalah selari dengan peraturan yang digariskan. Kesimpulannya, Kementerian Pendidikan perlu menyusun langkah-langkah untuk terus memantapkan peranan PIBG namun masih mematuhi peraturan-peraturan pendidikan PIBG 1998. Di samping itu, bagi meningkatkan keberkesanan fungsi PIBG, dicadangkan supaya geran tahunan diberikan kepada PIBG, ahli jawatankuasa PIBG menjalani kursus pengendalian persatuan, PIBG tidak mencampuri proses pengajaran dan pembelajaran dan buku panduan pengurusan PIBG disediakan.

Tajuk perkara:

Parent-Teacher Association-Research; Education-Parent Participation/Parental Involvement Malaysia

KP BPPDP 371.103 KEM

MASALAH PENGURUSAN DI SEKOLAH MENENGAH BERENROLMEN BESAR BPPDP, 2003.

Sekolah berenrolmen melebihi 2000 murid selalunya akan mendatangkan pelbagai kesan positif dan negatif terhadap pengurusan sekolah dan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Tujuan kajian adalah melihat cara pengurusan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh Pengetua sekolah berenrolmen besar. Pemilihan 300 buah sekolah sampel dilakukan secara bertujuan meliputi 2082 orang, terdiri daripada 48 Pegawai Pendidikan Daerah, 242 Pengetua, 242 Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM), 233 penyelaras kokurikulum, 233 guru disiplin, 233 guru kaunseling dan 231 guru kelas. Data diperolehi melalui soal selidik dan temu bual. Data soal selidik dianalisis secara deskriptif manakala temu bual dianalisis mengikut tema dan pola. Dapatan kajian menunjukkan sekolah berenrolmen besar tidak menghadapi masalah dari segi sumbangan sekolah kepada masyarakat dan masyarakat kepada sekolah. Walau bagaimanapun, sekolah berenrolmen besar menghadapi masalah dari segi peningkatan pencapaian akademik, kualiti P&P, kokurikulum, keselamatan, disiplin, khidmat sokongan guru, kewangan dan reputasi sekolah. Kajian mencadangkan usaha ke arah sekolah bersaiz optimum iaitu berenrolmen 1050 – 1260 dan saiz kelas 30 orang per kelas perlu diteruskan. Pembinaan sekolah perlu penyelarasan lebih mantap antara KPM dengan agensi kerajaan yang lain. Selain itu, hubungan sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat perlu ditingkatkan.

Kata kunci :

School Management and Organization-Research-Malaysia. School Size-Malaysia.

KP BPPDP 371.219 KEM

KAJIAN KESEDIAAN SEKOLAH MENENGAH MELAKSANAKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERBANTU KOMPUTER. BPPDP, 2003.

Konsep sekolah bestari yang berteraskan teknologi telah mencadangkan penggunaan komputer dan lain-lain bahan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Namun begitu, kesediaan sekolah untuk menggunakan komputer dalam P&P belum dapat dipastikan. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji kesediaan sekolah dari segi infrastruktur dan teknologi serta kesediaan pentadbir sekolah, guru dan pelajar menggunakan komputer dalam pelaksanaan proses P&P. Sampel kajian terdiri daripada 206 pengetua/guru besar, 818 guru mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik serta 3043 pelajar tingkatan 1, 2 dan 4 sekolah menengah seluruh negara. Data dipungut menggunakan soal selidik, temu bual separa berstruktur dan senarai semak kemudahan infrastruktur. Dapatan kajian menunjukkan hanya sebahagian kecil sekolah mempunyai kemudahan infrastruktur yang mencukupi untuk P&P. Penggunaan komputer adalah pada peringkat asas dan sangat kurang digunakan dalam P&P. Pentadbir, guru dan pelajar hanya memiliki kemahiran asas menggunakan komputer. Kajian merumuskan walaupun persepsi terhadap penggunaan komputer dalam P&P adalah positif, namun tahap kesediaan sekolah melaksanakan P&P berbantu komputer masih rendah. Kemudahan infrastruktur fizikal dan teknologi harus dibuat penambahbaikan manakala sokongan dan galakan secara berterusan harus diberi terhadap sekolah yang telah melaksanakannya.

Tajuk perkara:

Computer-Assisted Instruction-Research-Malaysia. Computer-Assisted Instruction-Study and Teaching-Malaysia.

KP BPPDP 371.334 KEM

KAJIAN ANALISIS KOS SEKOLAH KURANG MURID. BPPDP, 2003.

Kajian literatur menunjukkan tiada maklumat kos SKM yang lengkap dan menyeluruh untuk menganggarkan belanjawan serta merancang projek untuk Sekolah Kurang Murid (SKM). Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kos purata persekolahan murid di SKM secara terperinci bagi membantu pihak pemutus dasar merancang belanjawan untuk SKM. Kajian ini melibatkan 490 SKM yang dipilih secara rawak berstrata. Sampel terdiri daripada guru besar dan ibu bapa/penjaga. Data dikumpulkan melalui temubual serta penyemakan dokumen. Dapatan menunjukkan di SKM, kos pengajaran dan pembelajaran adalah paling tinggi (59.50%), diikuti oleh kos pengurusan (33.74%) dan kebajikan murid (6.76%). Dapatan juga menunjukkan, semakin kurang enrolmen di SKM, semakin tinggi kosnya. Terdapat juga ibu bapa yang bermasalah untuk membiayai persekolahan anak mereka. Kajian merumuskan SKM perlu dijadikan sekolah pusat, lengkap dengan kemudahan asrama. Selain itu, KPM perlu menstruktur semula bilangan murid di SKM bagi mengelakkan pembaziran, ketidakcekapan dan ketidakberkesanan kos. Sistem pengurusan dan pentadbiran kewangan terutama di Sabah juga perlu dikemaskini bagi meningkatkan kecekapan dan akauntibiliti.

Tajuk perkara:

Small Schools Study-Malaysia: School Enrollment- Malaysia. Cost- Small School; School Envolment-Malaysia.

KP BPPDP 379.154 KEM

ANALISIS KOS SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS. BPPDP, 2003.

Sekolah Pendidikan Khas (SPK) menyediakan persekitaran persekolahan bersesuaian dengan murid berkeperluan khas supaya menjadi individu berkemahiran, berdikari dan berkeupayaan menyesuaikan diri dalam masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai kos persekolahan SPK. Sampel kajian melibatkan 31 pentadbir dan 347 ibu bapa murid. Data diperolehi melalui soal selidik dan temu bual dan dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan dan min. Dapatan menunjukkan perbelanjaan sangat tinggi untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P) di SPK. Kos purata perbelanjaan murid SPK di luar bandar juga lebih tinggi daripada di bandar. Masalah utama SPK adalah kekurangan peruntukan kewangan untuk membeli peralatan P&P, penyelenggaraan peralatan dan menyewa pengangkutan untuk aktiviti luar. Persepsi 50% ibu bapa mengakui kos persekolahan anak di SPK adalah tinggi bagi tambang dan membeli peralatan khas. Namun, ibu bapa sanggup menghantar anak mereka di SPK kerana mementingkan kerjaya masa depan. Antara cadangan penambahbaikan adalah menyemak semula kadar bantuan per kapita dan Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun, menyediakan garis panduan penggunaan dan penyelenggaraan peralatan, pemantauan dan khidmat bantu penggunaan bahan bantu mengajar secara bersepadu, kerjasama sekolah dengan komuniti, dan perkongsian pintar dengan pihak swasta.

Tajuk perkara:

Cost Analysis; Special Education– Malaysia

KP BPPDP 371.911 KEM

KAJIAN PENILAIAN PROGRAM INTERVENSI OLEH JABATAN PELAJARAN NEGERI BAGI MENANGANI KECICIRAN DI SEKOLAH MENENGAH. BPPDP, 2003.

Pendidikan adalah pelaburan penting dalam pembangunan sumber manusia untuk jangka panjang, kerajaan telah membelanjakan dana yang besar dalam bidang pendidikan yang disalurkan melalui Belanjawan Tahunan dan Rancangan Malaysia bagi tempoh lima tahun, namun keciciran di peringkat sekolah menengah masih berlaku. Justeru, semua Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) telah berusaha melaksanakan pelbagai program intervensi untuk menangani masalah keciciran yang berlaku. Kajian ini bertujuan mengenalpasti sebab keciciran, mendapatkan maklumat, menilai keberkesanan program intervensi serta mendapatkan pandangan dan cadangan untuk meningkatkan usaha bagi menangani masalah keciciran. Sampel kajian terdiri daripada 68 orang yang merangkumi Pegawai JPN, Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Guru Kaunseling dan Guru Tingkatan 3 yang dipilih menggunakan kaedah *purposive sampling* daripada 5 JPN, 5 PPD dan 12 buah sekolah. Data dikumpulkan melalui protokol temubual serta penyemakan dokumen. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, sebab keciciran pelajar sekolah menengah yang utama ialah sikap pelajar, masalah disiplin dan kemiskinan. Program intervensi yang dijalankan oleh JPN kebanyakannya menjurus untuk mengatasi masalah disiplin dan motivasi pelajar. Tetapi, kurangnya pemantauan dan penyelarasan di antara JPN, PPD dan pihak sekolah menyebabkan program intervensi kurang berkesan. Kajian merumuskan, penglibatan ibu bapa dalam program intervensi perlu diberi perhatian untuk membantu sesuatu program mencapai objektifnya. JPN, PPD dan pihak sekolah perlu diberi pendedahan tentang kepentingan program intervensi yang berterusan untuk menangani masalah keciciran di sekolah demi mengelakkan pembaziran pelaburan kerajaan dalam pembangunan sumber manusia.

Tajuk perkara:

Educational Sociology-Malaysia; Dropouts-Intervention & Programme-Evaluation Research.

KP BPPDP 371.2913 KEM

KAJIAN KECICIRAN DI KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH: CABARAN MENGHADAPI SISTEM PENDIDIKAN WAJIB. BPPDP, 2003.

Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Dasar Pendidikan Wajib peringkat rendah bermula sesi persekolahan 2003. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti faktor keciciran dan tahap kesediaan ibu bapa dalam menghadapi dasar pendidikan wajib. Kajian ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan soal selidik, temubual, pemerhatian serta analisis dokumen. Responden terdiri daripada guru dan ibu bapa mengikut lokasi di 13 buah negeri. Kajian mendapati 94% daripada ibu bapa menyedari kepentingan pendidikan dan 86.4% percaya pendidikan meningkatkan pendapatan keluarga. Namun 33.2% daripada ibu bapa menyatakan masalah pengangkutan ke sekolah dan keselamatan merupakan penyebab utama anak-anak mereka tidak bersekolah. Faktor hubungan ibu bapa dengan pihak sekolah turut memberi kesan kepada masalah keciciran. Ibu bapa menyatakan guru kurang prihatin terhadap kehadiran murid ke sekolah, manakala guru pula menyatakan mereka lebih kerap memotivasikan murid berbanding ibu bapa. Secara keseluruhannya, ibu bapa sedar akan kepentingan pendidikan dan memberi komitmen yang tinggi terhadap pencapaian anak-anak. Namun kerjasama antara ibu bapa dengan pihak sekolah perlu diperkukuh dan program sokongan diwujudkan bagi melaksanakan Dasar Pendidikan Wajib.

Tajuk perkara:

Educational Sociology-Malaysia; Dropouts-Research.

KP BPPDP 371.2913 KEM

KAJIAN PERSEPSI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN TERHADAP DASAR KERAJAAN. BPPDP, 2003.

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) merupakan sebahagian penjawat awam yang menjadi peneraju utama menterjemah pelbagai dasar awam yang dibentuk kerajaan. Namun wujud dakwaan, sekumpulan PPP tidak menyokong dasar kerajaan khususnya Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK), Dasar Sosio-Ekonomi (DSE) dan Dasar Sosio-Politik (DSP). Kajian tinjauan menggunakan soal selidik ini bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman, kepuasan dan sokongan PPP terhadap pelaksanaan dasar kerajaan. Kajian melibatkan 5,861 PPP yang bertugas di sekolah, politeknik, institut/maktab perguruan, pusat matrikulasi, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pusat Kegiatan Guru, Pusat Sumber Pendidikan Negeri di seluruh Malaysia dan Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Kajian mendapati 80.6% daripada sampel menunjukkan kefahaman, 85.4% memberikan sokongan dan 67.8% menunjukkan kepuasan tinggi terhadap DPK. Manakala 69.1% menunjukkan kefahaman, 64.7% memberikan sokongan dan 53.1% menunjukkan kepuasan tinggi terhadap pelaksanaan DSE. Seterusnya 76.1% mempunyai kefahaman, 73.0% memberi sokongan dan hanya 50.8% menunjukkan kepuasan yang tinggi terhadap DSP. Secara keseluruhan, tahap kepuasan PPP terhadap keputusan dan tindakan beberapa agensi kerajaan serta kepimpinan negara adalah sederhana. Kepuasan kerja dalam kalangan PPP juga di tahap yang sederhana. Keputusan dan tindakan kerajaan berkaitan semua dasar awam perlu dijelaskan kepada semua peringkat rakyat. Pelaksanaan dasar tersebut perlu dilakukan secara telus, adil, tepat dan berkesan.

Tajuk perkara:

Teacher Perception-Government Policies.

KP BPPDP 379.122 KEM

KAJIAN DISIPLIN PENGHUNI ASRAMA SEKOLAH MENENGAH HARIAN. BPPDP, 2003.

Pelanggaran disiplin pelajar di asrama Sekolah Menengah Harian (SMH) masih berleluasa walaupun pelbagai langkah telah diambil untuk mengatasinya. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis salah laku, punca salah laku disiplin, keberkesanan dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan peraturan disiplin di asrama SMH. Data dikutip melalui soal selidik dan temu bual. Kajian melibatkan pengetua atau penolong kanan hal ehwal murid, kaunselor sekolah, penyelia asrama dan pelajar asrama di 181 SMH. Dapatan menunjukkan jenis salah laku disiplin yang paling dominan adalah tidak mementingkan masa (min=2.44). Punca salah laku disiplin ialah diri sendiri (min=3.48), pengaruh rakan (min=3.45) dan masalah keluarga (min=2.48). Peraturan disiplin dapat dilaksanakan dengan berkesan tetapi belum mencapai tahap yang sepatutnya. Masalah utama yang dihadapi oleh pengurusan asrama dalam menguatkuasakan peraturan disiplin ialah kurangnya kerjasama semua pihak yang terlibat (53%), warden asrama tidak tegas (38%) dan penghuni asrama tidak memahami peraturan asrama (18%). Bagi mengatasi salah laku disiplin dalam kalangan pelajar asrama SMH, peraturan disiplin dan syarat kemasukan ke asrama perlu diperketatkan. Kerjasama penjaga dan pihak pengurusan asrama perlu ditingkatkan. Selain itu, pemantauan pihak atasan perlu lebih kerap manakala kebajikan warden perlu diberi perhatian.

Tajuk perkara:

Dormitories-Research-Malaysia; Residence and Education-Research; Students- Discipline-Research.

KP BPPDP 371.625 KEM

LAPORAN KAJIAN MASALAH SOSIAL PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI RANCANGAN TANAH FELDA. BPPDP, 2003.

Masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di rancangan tanah FELDA sering diperkatakan walaupun pelbagai langkah telah diambil untuk mengatasinya. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis perlakuan negatif yang menjadi masalah sosial, faktor pelajar melakukan salah laku dan persepsi pelajar terhadap sekolah dan pendidikan. Data dikutip melalui soal selidik yang melibatkan pelajar di 83 sekolah menengah di rancangan tanah FELDA. Temu bual pula melibatkan pelajar di 11 sekolah, seorang pegawai FELDA dan 23 pegawai polis. Salah laku yang sering dilakukan ialah ponteng sekolah/kelas, membawa kenderaan tanpa lesen dan terlibat dalam perlumbaan haram. Faktor yang mempengaruhi pelajar melakukan salah laku adalah diri pelajar, pengaruh rakan sebaya dan media, keluarga, persekitaran sekolah yang kurang kondusif, masyarakat serta cetek pengetahuan agama. Pelajar tidak mempunyai aspirasi pendidikan dan aspirasi kerjaya yang tinggi. Usaha yang diberikan terhadap pelajaran pada tahap sederhana. Justeru, masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah rancangan tanah FELDA perlu diberi perhatian serius sebelum menjadi masalah yang lebih besar. Menangani masalah sosial memerlukan suatu pendekatan bersepadu yang benar-benar mampan dan berterusan di samping komitmen yang tinggi oleh semua pihak yang terlibat.

Tajuk perkara:

Educational Sociology-Social Problem-Secondary School-FELDA-Malaysia

KP BPPDP 371.5 KEM

KAJIAN ANALISIS KOS PROJEK RINTIS SEKOLAH BESTARI. BPPDP, 2004.

Sebanyak 87 buah sekolah rendah dan menengah terlibat dalam Projek Rintis Sekolah Bestari (PRSB). Kos perbelanjaan persekolahan PRSB adalah perkakasan dan perisian untuk pengurusan sekolah serta pengajaran dan pembelajaran yang dibekalkan. Kajian ini bertujuan untuk menganggarkan kos makro purata perbelanjaan modal dan operasi terhadap PRSB, kos tetap purata emolumen serta kos purata mengikut komponen perbelanjaan sumber kewangan kerajaan dan bukan kerajaan. Penganalisan data secara makro dijalankan bagi mendapatkan anggaran perbelanjaan purata kos modal dan operasi (emolumen perkhidmatan dan perbekalan) serta Bantuan Per Kapita bagi sesetengah subjek dengan mengambil kira keseluruhan enrolmen pelajar yang berada di sekolah yang menjalankan PRSB. Kaedah mikro digunakan untuk mendapat maklumat kos purata persekolahan PRSB secara lebih terperinci mengikut sumber kewangan dan komponen perbelanjaan. Kajian tinjauan dibuat ke atas 87 Pengetua/ Guru Besar PRSB dan lima orang ibu bapa dari setiap PRSB. Kajian lapangan melibatkan 22 Pengetua/Guru Besar PRSB dan 64,341 pelajar dari 66 buah sekolah sampel. Dapatan kajian menunjukkan kos purata bagi perbelanjaan modal adalah RM2,206.84 dan perbelanjaan operasi adalah RM1,437.50. Dapatan kajian juga menunjukkan keseluruhan kos purata persekolahan yang dibelanjakan oleh pihak kerajaan terhadap seorang pelajar sekolah menengah PRSB adalah RM8,011.85 dan pihak bukan kerajaan adalah RM2,457.74.

Tajuk perkara:

School Management and Organization; Costs and Cost Analysis; Cost Effectiveness.

KP BPPDP 371.2009595 KEM

KAJIAN KEBERKESANAN KOS PROGRAM MATRIKULASI. BPPDP, 2005.

Kajian ini bertujuan melihat keberkesanan kos Program Matrikulasi mencakupi kos kapital dan mengurus program dengan menggunakan kerangka teori Fungsi Pengeluaran Pendidikan (Hanushek, 2002). Perbandingan keberkesanan kos dibuat dengan membandingkan kos perbelanjaan setiap pelajar terhadap pencapaian objektif institusi dari segi nilai tambah kognitif, afektif dan psikomotor. Kajian dijalankan di sembilan Kolej Matrikulasi KPM, tiga Kolej Matrikulasi MARA dan tiga Kolej Matrikulasi Swasta dengan jumlah keseluruhan sampel seramai 2459 orang dan di 15 sekolah yang mengendalikan Program Tingkatan Enam dengan jumlah sampel seramai 4991 orang. Sampel kajian dipilih secara rawak berstrata terdiri daripada pentadbir kolej, pensyarah dan pelajar. Data yang diperolehi melalui soal selidik dan analisis dokumen dianalisis berdasarkan anggaran kos, keberkesanan kos, nisbah keberkesanan dan analisis sensitiviti. Dapatan menunjukkan kos kapital dan mengurus program Kolej Matrikulasi KPM adalah tinggi manakala nilai keberkesanan kosnya rendah dalam semua aspek afektif dan psikomotor dibandingkan dengan Kolej Matrikulasi Swasta dan MARA serta Program Tingkatan Enam. Kolej Matrikulasi KPM lebih kos efektif dalam aspek kepimpinan, daya saing, motivasi, komunikasi, nilai, kemudahan belajar dan aspirasi. Unit kos mengurus di Kolej Matrikulasi KPM boleh dikurangkan dengan meningkatkan enrolmen pelajar dan penambahan nisbah pensyarah dan pelajar.

Tajuk perkara:

Education, Research; Universities and colleges education, curricula.

KP BPPDP 371.10207 KEM

KAJIAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING DI SEKOLAH MENENGAH. BPPDP, 2005.

Program Bimbingan dan Kaunseling (PBK) merupakan perkhidmatan sokongan yang disediakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membantu pelajar mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan bukan akademik. Tujuan kajian adalah menilai pelaksanaan program PBK yang dijalankan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) sepenuh masa di sekolah menengah. Kajian dijalankan di sekolah menengah harian di seluruh Malaysia. Data diperolehi melalui soal selidik, temu bual dan maklumat dari 207 Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, 207 GBK, 1061 guru, 970 ibu bapa dan 3061 pelajar serta maklumat sekunder dari Bahagian Sekolah. Data soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif manakala data dari temu bual dianalisis menggunakan pola dan tema yang berulang. Dapatan kajian menunjukkan 94% sekolah mempunyai kelengkapan untuk PBK. Selain itu, kaunseling individu merupakan aktiviti yang paling kerap dijalankan dan kemahiran yang disampaikan oleh GBK bertumpu kepada membantu kejayaan akademik murid seperti kemahiran berfikir (80.4%), kemahiran membaca (78.9%) dan kemahiran mengulang kaji (77.9%) Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan pelaksanaan PBK memerlukan perhatian dan usaha yang bersungguh-sungguh dari pihak pentadbir sekolah, GBK dan KPM bagi memastikan perkhidmatan ini memberi manfaat optimum kepada pelajar.

Tajuk perkara:

Education, students guidance and counseling; Educational guidance.

KP BPPDP 371.422 KEM

KAJIAN PENILAIAN BANTUAN BIASISWA BKP DAN BKPU KPM. BPPDP, 2005.

Kajian ini menilai keberkesanan program Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU) yang disediakan kepada murid-murid daripada keluarga yang kurang berkemampuan sama ada di bandar atau luar bandar tetapi berpotensi dalam akademik di sekolah-sekolah menengah kerajaan. Kajian ini adalah berasaskan model penilaian CIPP oleh Stufflebeam et. al (1971). Data kajian diperolehi menggunakan soal selidik dan temu bual. Sampel kajian melibatkan 50 buah sekolah terdiri daripada lima buah negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak yang dipilih secara rawak berstrata. Dapatan kajian menunjukkan kriteria pemberian biasiswa yang ditetapkan sesuai digunakan, pemberian amaun biasiswa tidak mengikut keadaan semasa, syarat pemberian untuk seorang anak sahaja dalam satu keluarga tidak sesuai, kurang kerjasama murid dan ibu bapa dalam proses pengumpulan borang, mekanisme pemantauan terhadap kepada pengeluaran biasiswa, mengurangkan beban kewangan ibu bapa, meningkatkan kesejahteraan keluarga dan dapat mengelakkan keciciran. Selain itu, trend peningkatan bagi perbelanjaan setiap orang murid meningkat bagi setiap tahap pendidikan. Kajian mencadangkan tiada had bilangan anak dalam satu keluarga bagi pemberian biasiswa dan mewujudkan dana khas bagi anak berkeperluan khas dan murid miskin.

Tajuk perkara:

Scholarships, Malaysia

KP BPPDP 371.223 KEM

KAJIAN STATUS DAN PENCAPAIAN PELAJAR SBP DAN MRSM DALAM PEPERIKSAAN SPM TAHUN 2000 – 2003. BPPDP, 2006.

Penubuhan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) adalah untuk memberi peluang kepada pelajar Bumiputera yang berpotensi mendapatkan pelajaran dengan kemudahan yang teratur dan sempurna serta mempertingkatkan pencapaian mereka dalam bidang sains dan teknologi. Kajian ini mengkaji status faktor-faktor input dan proses dalam sistem persekolahan SBP dan MRSM serta pencapaian mereka dalam peperiksaan SPM bagi tempoh empat tahun (Tahun 2000 – 2003). Data kajian diperolehi melalui pemerhatian, soal selidik, temubual dan analisis dokumen. Kaedah persampelan adalah secara bertujuan berdasarkan prestasi pencapaian SBP dan MRSM dalam peperiksaan SPM secara keseluruhan dan mengikut mata pelajaran sepanjang tempoh lima tahun (1998 – 2002). Sampel kajian terdiri daripada Pengetua, guru dan pelajar SBP dan MRSM. Data soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan menunjukkan trend pencapaian pelajar SBP dan MRSM tidak konsisten serta tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Gred purata SPM pelajar MRSM hanya mengatasi pelajar SBP pada tahun 2001. Namun, pencapaian pelajar SBP mengatasi pelajar MRSM pada tahun 2000, 2002 dan 2003. Kajian ini mencadangkan pengurusan kurikulum di SBP, proses pengajaran dan pembelajaran serta program intervensi ditingkatkan.

Tajuk perkara:

Academic achievement; Sijil Pelajaran Malaysia; Boarding school student

KP BPPDP 371.26 KEM

KAJIAN PENILAIAN PROGRAM PENDIDIKAN JARAK JAUH: SATU KAJIAN KES DI USM. BPPDP, 2006.

Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) merupakan salah satu strategi untuk meningkatkan aksesibiliti pendidikan kepada semua yang berkelayakan selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan sepanjang hayat. Kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan program PJJ di Universiti Sains Malaysia (USM). Data kuantitatif diperolehi daripada 20% pelajar (110 orang) PJJ bagi sesi 2002/2003 di USM dalam bidang pendidikan yang dipilih secara rawak. Data tersebut telah dianalisa secara deskriptif dan inferensi. Data kualitatif diperolehi melalui temubual separa-sekunder daripada lima orang guru dan seorang tutor residen bagi setiap lima Pusat PJJ di Ipoh, Kuala Lumpur, Kuantan, Melaka dan Kota Bharu. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden mengikuti program PJJ untuk meningkatkan pengetahuan/kemahiran, yuran pengajian yang berpatutan dan pengiktirafan ijazah oleh kerajaan. Kajian juga menunjukkan peserta kurang berpeluang untuk berinteraksi dengan pensyarah semasa pengajaran dan pembelajaran (P&P), modul P&P dan perkhidmatan sokongan yang kurang memuaskan serta tempoh pemulangan tugas yang tidak jelas. Secara keseluruhan, responden memberi maklum balas positif terhadap manfaat program PJJ.

Tajuk perkara:

Distance education; program administration

KP BPPDP 370.732 KEM

KAJIAN PENILAIAN GRADUAN NPQH. BPPDP, 2006.

Kursus NPQH bertujuan menyediakan pentadbir sekolah yang berkeelayakan dan berketrampilan dalam bidang kepengetuaan. Kajian ini menilai keberkesanan graduan NPQH yang telah dilantik ke jawatan pengurusan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran, pengurusan kurikulum dan kokurikulum, kepimpinan pengajaran dan kualiti peribadi. Kajian ini berdasarkan model penilaian CIPP dengan melibatkan tiga kumpulan responden; graduan NPQH yang dilantik dan tidak di lantik ke jawatan pengurusan di sekolah dan pentadbir serta guru di tempat mereka bertugas. Data kajian yang diperolehi melalui soal selidik dan temubual menunjukkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi telah dapat direalisasikan dalam pengurusan dan pentadbiran pendidikan yang berkesan. Penilaian pentadbir dan guru sangat tinggi kepada kualiti kepimpinan graduan NPQH. Tahap sokongan sumber dan moral kepada graduan NPQH juga sangat tinggi. Selain itu, graduan NPQH memberi perhatian yang sangat tinggi dalam aspek memanfaatkan pengetahuan daripada kursus NPQH walaupun tidak memegang jawatan pengurusan. Antara cadangan untuk menambahbaik program NPQH adalah membuat pemilihan peserta kursus dengan lebih teliti, meningkatkan kualiti kandungan kursus, perkongsian pengalaman pengetua kanan, menjelaskan halatuju graduan NPQH serta memberi keutamaan untuk mengisi kekosongan jawatan pentadbiran di sekolah.

Tajuk perkara:

School Management and Organization; Costs Effectiveness

KP BPPDP 371.2 KEM

KAJIAN KEPERLUAN LATIHAN KAKITANGAN MAKMAL SAINS SEKOLAH MENENGAH BPPDP, 2006.

Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia memberi penekanan kepada kompetensi bagi pergerakan gaji. Justeru, pembantu makmal memerlukan kursus pendedahan kemahiran tertentu yang dapat mengukur tahap kompetensi dalam melaksanakan tugas sebagai kakitangan makmal sains. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui latihan yang diperlukan oleh pembantu makmal dalam usaha meningkatkan kemahiran bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) Sains dengan berkesan. Sampel kajian dipilih secara bertujuan mengikut negeri. Pungutan data melalui soalselidik melibatkan Pembantu Makmal Sekolah dan guru Sains. Manakala, temu bual dilakukan ke atas Pegawai Khas Sains di Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah. Dapatan menunjukkan sebanyak 58.97% pembantu makmal pernah menghadiri kursus pengurusan makmal dan 41.84% menghadiri kursus berkaitan kemahiran asas bidang tugas. Sebanyak 70% pembantu makmal memerlukan kemahiran menyenggara peralatan elektrik, mengawal kecemasan, menyenggara peralatan yang menggunakan gas, keselamatan makmal dan peralatan sains, mengurus inventori, kemahiran ICT, penyediaan bahan sains, membantu kelancaran P&P Sains dan amali sains. Berdasarkan Indeks Pemberat Keperluan, pembantu makmal sains amat memerlukan kemahiran menyenggara peralatan dan bahan sensitif dan berbahaya, mengendali komputer, kerja kaca, penyediaan bahan sains dan kerja elektrik.

Tajuk perkara:

Science laboratories; laboratory safety & school, secondary

KP BPPDP 371.263 KEM

KAJIAN PENILAIAN PROGRAM BANTUAN SKIM BAUCAR TUISYEN. BPPDP, 2006.

Skim Baucar Tuisyen (SBT) mula dilaksanakan di semua sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan pada tahun 2004. Program ini merupakan satu intervensi pendidikan untuk memberi bimbingan tambahan atau tuisyen secara berstruktur dan terancang kepada murid miskin yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI), Matematik (MT) dan Sains (SC). Kajian ini bertujuan untuk menilai pematuhan pihak sekolah terhadap Garis Panduan Pelaksanaan SBT, pencapaian objektif SBT dan mengenal pasti masalah berhubung pelaksanaan SBT. Sampel kajian dipilih secara rawak melibatkan 1944 responden, iaitu Guru Besar (GB) dan guru mata pelajaran di sekolah rendah. Dapatan menunjukkan GB dapat melaksanakan program pada tahap tinggi kecuali aspek membentangkan laporan pemantauan dalam mesyuarat Jawatankuasa SBT pada peringkat sekolah. SBT meningkatkan pengetahuan pada tahap sederhana dalam BM dan BI bagi aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pencapaian mata pelajaran MT dan SC juga sederhana. Pelaksanaan SBT mempunyai masalah dari segi kehadiran kerana motivasi murid rendah, murid tiada wang perbelanjaan dan masalah pengangkutan. Pelaksanaan program ini perlu diperbaiki supaya dapat membangunkan modal insan demi kemajuan negara.

Tajuk perkara:
Educational boucer, educational evaluation

KP BPPDP 379.1 KEM

LAPORAN KAJIAN MOTIVASI GURU CEMERLANG. BPPDP, 2006.

Pelaksanaan konsep Guru Cemerlang (GC) menyediakan alternatif kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mahir, berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu. Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap motivasi GC, faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi tersebut dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh GC dalam mengekalkan kecemerlangan mereka. Data diperolehi melalui kaedah tinjauan secara kuantitatif bagi mendapat input daripada 752 Pengetua/Guru Besar, 898 GC dan 924 Guru Sepanitia dan dianalisis secara deskriptif dan inferential. Data kualitatif yang diperolehi daripada 24 Pengetua/Guru Besar dan 24 GC dianalisis mengikut tema. Dapatan kajian menunjukkan motivasi GC lelaki adalah lebih tinggi daripada GC perempuan dan tahap motivasi GC Siswazah adalah lebih tinggi daripada GC Bukan Siswazah. Berdasarkan Analisis Regresi Berganda, didapati enam daripada sepuluh pemboleh ubah adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap motivasi GC iaitu efikasi, ekspektasi, ganjaran instrinsik, murid, tanggungjawab dan program peningkatan profesionalisme. Kajian juga mendapati tujuh masalah yang mempengaruhi tahap motivasi tinggi GC adalah faktor tugas luar, sekolah, rakan sejawatan, pentadbir, faktor diri GC itu sendiri, murid dan ganjaran. Faktor tugas luar merupakan masalah utama yang mempengaruhi tahap motivasi GC.

Tajuk perkara:
Effective teaching, research; teacher effectiveness, research; teacher, rating of.

KP BPPDP 371.102 KEM

KAJIAN PENILAIAN PROGRAM BANTUAN KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN (KWAPM) BPPDP, 2007

KWAPM ditubuhkan untuk memastikan tiada murid di sekolah rendah tercicir daripada persekolahan akibat kemiskinan. Kajian ini bertujuan menilai sejauh mana pelaksanaan program KWAPM bagi meningkat dan memantapkan lagi keberkesanan pelaksanaan program dari segi penyaluran bantuan di peringkat sekolah, penggunaan bantuan untuk keperluan persekolahan murid serta isu yang timbul berkaitan pelaksanaannya. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk *implicit design* dalam bentuk *ex-post facto*. Sebanyak 575 daripada 3,687 orang murid penerima pakej bantuan KWAPM dari Tahun 1 hingga Tahun 6, kohort persekolahan tahun 2004 di Sekolah Kebangsaan, SJKC dan SJKT di lokasi bandar dan luar bandar mengikut zon dipilih menggunakan *disstratified random sampling*. Tiga set soal selidik diedarkan kepada guru kelas murid penerima bantuan dan Guru Kanan HEM dan temubual separa berstrata dijalankan kepada tujuh orang ibu bapa murid penerima. Dapatan kajian menunjukkan majoriti penerima tinggal di luar bandar dan ibu bapa mereka berpendapatan di bawah RM530 sebulan. Kajian juga menunjukkan terdapat peningkatan prestasi kehadiran dan akademik serta motivasi diri murid berbanding sebelum menerima bantuan. Dalam aktiviti pengurusan, didapati pihak JPN/PPG/PPD/PPDK tidak menjalankan pemantauan program, manakala pengurusan dan pemantauan di pihak sekolah telah menyumbang kepada tercapainya objektif program KWAPM di sekolah masing-masing.

Tajuk perkara:

Poor children education, Malaysia, evaluation; Academic achievement, malaysia, evaluation

KP BPPDP 370.1934109595 KEM

KAJIAN PENGURUSAN LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH. BPPDP, 2007.

Kajian bertujuan mendapatkan maklumat tentang tahap kepatuhan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) kepada peraturan sedia ada dalam aspek surat cara pengelolaan, keahlian atau keanggotaan, kaedah perjalanan mesyuarat dan tanggungjawab lembaga. Kajian dijalankan di 70 buah sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan yang dipilih secara rawak berstrata. Soal selidik telah dijawab oleh 425 orang Pengetua dan Guru Besar, 425 orang Pengerusi LPS dan 19 orang pegawai Jabatan Pelajaran Negeri dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Data temubual dianalisis dengan mengkategorikannya berdasarkan tema. Dapatan kajian menunjukkan masih terdapat LPS sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan yang tidak mematuhi peruntukan undang-undang dalam aspek surat cara pengelolaan, keahlian atau keanggotaan dan kaedah perjalanan mesyuarat. Walau bagaimanapun LPS didapati telah menjalankan tanggungjawab mereka seperti yang diperuntukkan dan banyak membantu sekolah dalam pelbagai aspek. Kajian mencadangkan LPS dikekalkan memandangkan LPS banyak memberi sumbangan kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Namun demikian peraturan dan garis panduan perlu terlebih dahulu disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi membolehkan LPS menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

Tajuk perkara:

.School management and organization; parent-teacher relationship

KP BPPDP 370.19309595 KEM

KAJIAN PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PPSMI. BPPDP, 2008.

Kajian dijalankan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Disember 2005. Tujuan kajian adalah untuk memberi maklumat tentang status kesediaan murid, guru dan pentadbir sekolah serta masalah yang dihadapi semasa melaksanakan program PPSMI. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah tinjauan dan temu bual dengan menggunakan empat set instrumen, iaitu Ujian Kemahiran Inventori Bahasa Inggeris, Soal Selidik Guru, Soal Selidik Pengetua/Guru Besar, dan Protokol Temu Bual. Sampel kajian terdiri daripada 2127 guru SR yang mengajar mata pelajaran Sains/Matematik Tahun Satu hingga Tahun Empat, 1275 guru SM yang mengajar mata pelajaran Sains/ Matematik Tingkatan Satu hingga Tingkatan Empat, 44912 murid Tahun 4 dan 52187 murid Tingkatan 4. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan inferensi, manakala data kualitatif menggunakan kaedah bertema yang dikelompokkan berdasarkan kepada pola dan tema yang berulang. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan guru dan murid belum mencapai tahap kemahiran penguasaan bahasa Inggeris (BI) yang secukupnya untuk membolehkan mereka melaksanakan P&P Sains dan Matematik dalam BI sepenuhnya. Sungguhpun kebanyakan guru telah diberi latihan menerusi ETeMS, KOSM dan Kursus Penggunaan ICT, namun kesediaan dan keyakinan responden guru dalam melaksanakan P&P Sains dan Matematik dalam BI masih pada tahap sederhana. Kesediaan pengetua dan guru besar dalam melaksanakan PPSMI pula masih boleh dipertingkatkan khususnya dalam menangani masalah berkaitan pelaksanaan PPSMI di peringkat sekolah. Dapatan kajian mengesahkan wujudnya kelemahan dari segi pelaksanaan sehingga menyebabkan pengajaran dan peperiksaan umum bagi kedua-dua subjek Sains dan Matematik belum dapat dilaksanakan dalam BI sepenuhnya. Seterusnya cadangan penambahbaikan pelaksanaan PPSMI harus mengambil kira faktor utama yang menjadi kekangan pelaksanaannya iaitu, masalah penguasaan BI guru dan murid yang rendah. Sehubungan itu, kajian mencadangkan KPM menambahbaik program meningkatkan penguasaan BI guru dan murid dan dilaksanakan secara terancang dengan pemantauan yang berjadual. KPM juga perlu menetapkan satu penanda aras tahap penguasaan BI yang harus dicapai oleh guru bagi mengesahkan kompetensi mereka dalam melaksanakan P&P dalam BI, dan satu penanda aras yang perlu dicapai oleh sekolah bagi membolehkan KPM memantau dan menilai pencapaian PPSMI di setiap sekolah.

Tajuk perkara:

Mathematics, study and teaching; Science, study and teaching (primary)

KP BPPDP 378.00720595 KEM

KAJIAN ANALISIS KOS PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH. BPPDP, 2008.

Setiap pelaburan dalam pendidikan melibatkan kos. Kajian ini bertujuan mendapatkan kos purata persekolahan per pelajar di SM Harian Biasa dan SM Harian Berasrama berdasarkan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2004 dan 2005. Sementara itu, *survey* isi rumah untuk tahun 2004 dan 2005 yang diperoleh daripada ibu bapa/penjaga merupakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan mereka bagi tahun tersebut. Data diperoleh melalui kaedah tinjauan menggunakan pendekatan mikro bagi mendapatkan maklumat mengenai kos purata persekolahan per pelajar. Kaedah ingredien digunakan bagi mendapatkan input pendidikan di peringkat sekolah yang dikira berdasarkan jumlah wang yang dibelanjakan. Kajian ini melibatkan 544 buah sekolah menengah (SM Harian Biasa dan SM Harian Berasrama) di lima zon yang dipilih secara rawak berstrata berdasarkan zon, lokasi dan kategori sekolah serta menggunakan soal selidik untuk Pengetua dan ibu bapa/penjaga. Dapatan kajian menunjukkan kos purata persekolahan per pelajar SM Harian Berasrama adalah lebih tinggi berbanding SM Harian Biasa. Selain itu, kos purata persekolahan per pelajar mengikut lokasi menunjukkan bahawa SM Harian Berasrama mempunyai kos yang lebih tinggi daripada SM Harian Biasa bagi bandar dan luar bandar. Dapatan kajian ini juga menunjukkan sekolah yang kurang daripada 500 pelajar dan SM Harian Berasrama yang penghuninya kurang daripada 250 orang adalah tidak ekonomikal.

Tajuk perkara:
Cost Analysis; – Malaysia

KP BPPDP 371.1 KEM

KAJIAN PENILAIAN PROGRAM BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN BPPDP, 2003.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) ialah satu bahagian yang penting di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) atas peranan utamanya sebagai pembekal input untuk pemutus dasar pendidikan sekaligus sebagai perancang dan pengurus pendidikan negara. Pelbagai program termasuk penyelidikan, penilaian dan latihan dijalankan oleh BPPDP demi untuk memenuhi tuntutan tanggungjawab tersebut. Persoalan tentang keberkesanan program-program BPPDP telah menyebabkan Perbendaharaan Malaysia menyarankan satu kajian penilaian dilakukan dengan member fokus terhadap kualiti perkhidmatan BPPDP sebagai perancang dan pengurus pendidikan negara. Data dikutip melalui soal selidik yang diedarkan kepada 12 pihak pengurusan tertinggi KPM, 32 Ketua Jabatan/Bahagian KPM, 128 pegawai Jabatan/Bahagian KPM, 14 Pengarah JPN, 56 pegawai JPN dan 36 pegawai BPPDP. Dapatan kajian menunjukkan program BPPDP sangat sesuai dengan objektif penubuhan, output memenuhi keperluan stakeholders, kepakaran pegawai sangat sesuai dengan aktiviti yang dilaksanakan, manakala kemudahan dan sumber kewangan pada tahap mencukupi sahaja. Dalam aspek ketepatan masa, disebabkan arahan tugas secara *ad hoc* daripada pihak atasan, ketergantungan kepada perolehan dan pembekalan maklumat daripada JPN dan Bahagian-bahagian lain KPM, pencapaian BPPDP hanya pada tahap sekadar menepati waktu yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, program BPPDP sebagai peneraju perancangan dasar telah dilaksanakan dengan sangat berkesan. Bagaimanapun, untuk meningkatkan keberkesanan program BPPDP, kajian ini mencadangkan penambahan dalam aspek kemudahan, peruntukan kewangan dan latihan. Selain itu dicadangkan agar penstrukturan semula dilakukan dengan menambah bilangan perjawatan dan pengambilan pegawai cemerlang dan bersikap profesional. Pertambahan dalam aspek kemudahan ICT dan peningkatan kerjasama dan komitmen yang berterusan dengan Bahagian-bahagian lain KPM dan JPN turut dicadangkan.

Tajuk perkara:
Evaluation Research-Malaysia

KP BPPDP 371.2 KEM

KAJIAN PELAKSANAAN MATA PELAJARAN LUKISAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN DI SEKOLAH MENENGAH AKADEMIK. BPPDP, 2004.

Pelaksanaan Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan (LK) dan Teknologi Kejuruteraan (TK) sebagai mata pelajaran elektif Vokasional dan Teknologi menghadapi cabaran dalam aspek peruntukan pembayaran geran per kapita (PCG), kemahiran guru, sukatan mata pelajaran dan kemampuan memenuhi permintaan guna tenaga di pasaran kerja. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cabaran dan keperluan dalam pelaksanaan Mata Pelajaran LK dan TK serta mengenal pasti peranan dan sokongan JPN dan JPT dalam pelaksanaan mata pelajaran tersebut. Sampel dipilih secara rawak mudah berstrata tinggi dan terdiri daripada 278 pengetua, 388 guru yang mengajar elektif LK, TK atau kedua-duanya dan 2,780 murid Tingkatan Lima di Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. Dapatan menunjukkan apabila sekolah menawarkan Mata Pelajaran LK dan TK, Peruntukan Bantuan Geran Per Kapita (PCG) tidak mencukupi. Masalah lain yang dikesan ialah guru menghadapi masalah dalam penggunaan perisian *Auto-CAD Level i* dan *ii*, kekurangan bahan rujukan dan komputer, kemasukan pelajar ke Tingkatan 4 secara berperingkat-peringkat yang mengganggu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, pengurusan dan penyelenggaraan komputer, makmal/bengkel TK yang kurang cekap, serta kurang promosi oleh pihak JPN/JPT yang menyebabkan pelajar kurang jelas dengan mata pelajaran serta hala tuju kerjaya jika mengambil mata pelajaran tersebut. Oleh itu, kajian mencadangkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran ditingkatkan melalui peruntukan geran per kapita yang berasingan. Guru-guru turut memerlukan latihan berterusan agar berpengetahuan dan berkemahiran untuk mengguna dan menyelenggara komputer selain sentiasa seiring dengan perkembangan teknologi. Sukatan pelajaran bagi LK dan TK juga perlu disemak semula agar sesuai dengan keperluan dan permintaan. Penyelarasan di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri dan pemantapan mata pelajaran juga perlu dilakukan.

Tajuk perkara:

KP BPPDP 371.422 KEM